



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia MADANI, dan Salam UiTM Di Hatiku.

Terima kasih kepada saudara Pengacara Majlis.

Yang dihormati

- Pengarah-Pengarah Bahagian
- Ketua-Ketua Perpustakaan Cawangan dan Hospital UiTM

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh Staf Perpustakaan UiTM yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita telah melangkah ke tahun 2025 dengan tekad yang baharu dan azam yang jitu. Semoga tahun ini menemukan kita hikmah baharu untuk terus memacu kecemerlangan Perpustakaan UiTM sebagai penggerak budaya ilmu, inovasi, dan penciptaan nilai yang lestari.

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih** kepada semua warga Perpustakaan UiTM yang hadir pada pagi ini di Ruang Bicara PTAR UiTM Shah Alam dan juga kepada staf yang bersama-sama pada pagi ini secara atas talian menerusi Siaran Langsung di Rasmi Perpustakaan UiTM.
3. Marilah sama-sama kita mendoakan agar majlis pada hari ini dikurniakan kerahmatan dan keberkatan Illahi agar segala perancangan dan niat baik kita semua dapat memberikan hikmah dan manfaat kepada seluruh warga universiti dan komuniti.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Sesungguhnya janji Allah itu benar, seperti yang disebut dalam firman-Nya:

*Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, (Surah Ali-Imran: Ayat 185)*

Pada tahun 2024, kita menzahirkan simpati atas kehilangan rakan-rakan yang telah meninggalkan kita untuk menghadap Pencipta-Nya. Ucapan takziah buat ahli keluarga mereka, dan kita mendoakan semoga roh mereka ditempatkan bersama-sama orang yang beriman dan dikasihi Allah di dalam syurga-Nya.

5. Sebagai tanda ingatan dan kasih, marilah kita sedekahkan surah Al-Fatihah kepada mereka semua. Semoga amal mereka diterima dan pahala sedekah doa ini menjadi manfaat buat mereka di alam sana.

Tuan-tuan dan puan-puan

6. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada staf perpustakaan UiTM yang telah **bersara dan menamatkan perkhidmatan** pada tahun 2024. Sesungguhnya jasa bakti sepanjang perkhidmatan mereka amatlah berharga dan hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa mereka.
7. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada staf-staf perpustakaan yang telah menerima kenaikan pangkat pada 2024 dan 2025. Besar harapan saya tuan-tuan dan puan-puan dapat menggalas tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sebaiknya.
8. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada semua **staf baharu** yang telah melapor diri dan menjadi ahli keluarga Perpustakaan UiTM. *Tak kenal maka tak cinta*, saya percaya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan akan membawa semangat baharu dalam meneruskan legasi kecemerlangan perpustakaan ini.
9. Harapan saya tentunya agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menggalas tanggungjawab dengan ikhlas, amanah, dan berintegriti. Ingatlah, *di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*. Bersama-sama kita melangkah ke hadapan, membawa Perpustakaan UiTM ke tahap yang lebih gemilang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

10. Sepanjang tahun ini, kita telah menempuh pelbagai cabaran, namun dengan sokongan dan komitmen semua, kita berjaya mengharungi segala rintangan dengan izinNya jua.
  
11. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga perpustakaan atas kesungguhan, kerjasama, dan kesatuan hati yang telah kita bina bersama sepanjang tahun 2024. Kejayaan yang kita capai bersama bukanlah hasil kerja individu semata-mata, tetapi hasil kekuatan dan perpaduan setiap ahli pasukan yang tidak pernah lelah memberikan yang terbaik.

"Kita melangkah jauh bukan kerana kekuatan individu, tetapi kerana kekuatan bersama sebagai satu pasukan."

### **Pencapaian Antarabangsa *Ranking Web of Repositories***

12. Perpustakaan UiTM telah berjaya melonjakkan kedudukan repositori universiti di tangga ke-36 Dunia telah membuktikan keupayaan kita dalam menyokong keterlihatan hasil penerbitan universiti secara global. Tahniah kepada Pasukan IR Shah Alam dan Cawangan yang berusaha keras untuk mengumpul bahan-bahan penerbitan universiti dengan pencapaian melebihi sasaran 19,000 pada tahun 2024.
  
13. Pencapaian Keterlihatan Bahan IR UiTM juga dapat dilihat dengan jumlah muat turun bahan IR yang menunjukkan peningkatan sangat positif dimana muat turun telah melebihi sasaran 2 juta pada tahun lepas.

14. Saya berharap pengurusan bahan IR Universiti yang tertakluk kepada Dasar Penyerahan Bahan Harta Intelek Universiti akan dapat dipertingkatkan pada tahun ini bagi terus meletakkan sasaran kedudukan IR UiTM di tangga ke-30 Dunia

**Seterusnya pencapaian Antabangsa Kedua iaitu *Emerald High Usage Award 2024*.**

15. Untuk makluman semua, Alhamdulillah, pada tahun 2024, Perpustakaan UiTM berjaya mengungguli semula kedudukan tertinggi dalam penggunaan pangkalan data atas talian Emerald, selepas 3 tahun kita hanya mendapat kedudukan kedua di dunia. Kejayaan ini amat bermakna, memandangkan perpustakaan pernah dianugerahkan penggunaan tertinggi selama 16 tahun berturut-turut.
16. Ini membuktikan komitmen berterusan Perpustakaan UiTM dalam memastikan akses berkualiti kepada sumber ilmiah digunakan secara optimum kepada warga Universiti.

Tuan-tuan dan Puan-puan

17. ***Perpustakaan UiTM*** telah menempa nama di dalam ***Malaysia Book Of Records menerusi Projek Braillethon*** "Most Collection of Reading Materials Converted to Soft Copy for Braille Format pada 9-10 Jun 2024". Projek ini direalisasikan melalui Kempen Menyalin Bahan Bacaan, dengan slogannya - Helai Ilmu Membawa Cahaya, yang dianjurkan **bersama** antara Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Shah Alam, dan KL Braille Resources.

18. Tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan inisiatif ini.

Seterusnya,

19. **Alhamdulillah, kita masih terus istiqamah bagi pencapaian inovasi warga Perpustakaan UiTM.** Kecemerlangan operasi yang dihasilkan, bukan sahaja mencerminkan daya kreativiti dan inovasi warga perpustakaan tetapi juga memberikan impak positif yang signifikan terhadap produktiviti kerja.
20. Semangat inovasi ini wajar terus disemarakkan untuk memastikan Perpustakaan UiTM kekal relevan dan berdaya saing dalam menyokong visi universiti. Pengiktirafan yang diterima, termasuk anugerah sebagai **Juara Bahagian Anugerah Kualiti Naib Canselor, Juara Bidang Tumpuan Penyampaian Perkhidmatan, dan Juara Kriteria Kepimpinan**, membuktikan bahawa usaha kolektif warga perpustakaan telah meletakkan kita di tahap yang membanggakan. Bersama-sama, kita akan terus melakar kecemerlangan dan memacu inovasi untuk masa depan yang lebih gemilang.

Para hadirin sekalian,

21. Tagline terdahulu, **"Library for All,"** cukup sinonim dengan pendekatan *Anyone, Anywhere dan Anytime* telah digunakan sejak tahun 2012. Pada tanggal 12 Januari 2024, kita telah melakukan transformasi **tagline** iaitu memperkenalkan **tagline baharu** iaitu **"Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa**, demi dalam usaha terus memperkukuh peranan perpustakaan sebagai pemangkin kecemerlangan Universiti.

22. Saya berharap warga Perpustakaan UiTM mengambil peranan untuk memahami dan menghadam makna tagline baharu ini dan datangkan pelan tindakan yang boleh meningkatkan kefahaman kepada warga Universiti. Kita juga telah membuat permohonan kepada **Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO)** untuk mendapatkan **perlindungan hak cipta**. Insya Allah, saya yakin tagline "Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa" akan terus menjadi suatu inspirasi, bukan sahaja kepada warga perpustakaan tetapi juga kepada seluruh komuniti.

Tuan-tuan dan puan-puan

23. Seiring dengan Amanat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dan juga Amanat Naib Canselor UiTM, kita perlu mengambil perhatian yang sewajarnya dengan menjadikan amanat ini sebagai kompas utama dalam usaha kita menyesuaikan strategi dan pendekatan baharu bagi memenuhi matlamat universiti.

Tuan-tuan dan puan-puan

24. Pewujudan **Petunjuk Prestasi 2025** di bawah tanggungjawab Ketua Pustakawan sebagai Peneraju telah menunjukkan bahawa Perpustakaan mempunyai tanggungjawab besar yang perlu digalas.
25. Saya dengan penuh rasa syukur dan percaya bahawa tanggungjawab diberikan ini akan dapat digalas oleh semua staf Perpustakaan bagi menyumbang kecemerlangan Universiti.
26. Untuk itu, Perpustakaan UiTM telah menggariskan **7 Fokus Utama** dan **23 inisiatif strategik pada tahun 2025**. Fokus ini bukan

sekadar panduan, tetapi komitmen kita untuk mengangkat kedudukan perpustakaan kalis zaman.

27. Kata Prof Syed Hussein Al Atas dalam Buku Perpustakaan dan Perkembangan Tamadun, **Perancangan untuk perpustakaan yang cemerlang adalah perancangan untuk minda yang cemerlang. Mengabaikan Perpustakaan mengundang kelesuan fikiran.** Justeru, setiap inisiatif ini dirancang dengan teliti agar ianya membawa impak besar kepada kumpulan pelajar, staf pentadbiran, akademik dan komuniti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

### **Fokus pertama adalah Digitalisasi Perpustakaan.**

28. Alhamdulillah, Inisiatif membangunkan sistem utama perpustakaan secara in-house yang diberi nama sebagai **PERMATA** telah mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2025.
29. Ini merupakan pencapaian besar perpustakaan kerana memberikan **impak penjimatan penyelenggaraan RM2 juta ringgit kepada universiti. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Perpustakaan Digital.**
30. Untuk makluman semua, kekuatan Sistem PERMATA adalah proses integrasi dengan semua sistem utama universiti, bersifat diperibadikan dan pelaksanaan **kecerdasan buatan (AI)** mengikut teras berikut:
  - *Machine Learning*
  - *Natural Language Processing (NLP)*
  - *Computer Vision; dan*
  - *Deep Learning*



Para hadirin sekalian,

31. Teknologi kecerdasan buatan (AI) menjadi ciri utama PERMATA dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna. Berdasarkan kerangka pelaksanaan AI Perpustakaan, saya memberikan penekanan kepada tiga komponen utama terlebih dahulu iaitu:
  - **AI Translation** bagi meningkatkan keupayaan penterjemahan pelbagai bahasa.
  - **AI Searching** untuk memastikan carian bahan lebih pantas dan relevan; dan
  - **Learning Assistant** untuk memberikan bantuan 24/7 kepada pengguna dengan respons yang tepat dan segera.
  
32. Harapan saya agar inisiatif ini mendapat sokongan penuh daripada semua warga perpustakaan dan pengguna yang akan memacu perpustakaan ke hadapan dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih dinamik dan fleksibel di perpustakaan.
  
33. Pelaksanaan **Research Data Management** menyediakan keterlibatan secara langsung pustakawan dalam membangunkan Pelan Pengurusan Data Penyelidikan Universiti. RDM merupakan komponen utama berkaitan Sains terbuka yang menggambarkan peranan pustakawan terhadap pengurusan, penyimpanan, pemeliharaan dan perkongsian data supaya dapat dimanfaatkan untuk penyelidikan seterusnya brtepatan dengan **prinsip FAIR iaitu Findable, Accessible, Interoperable dan Reusable**.
  
34. Sehubungan itu, saya menyeru kepada staf perpustakaan yang telah memperoleh pensijilan **Trained Data Stewardship** untuk memperkukuhkan peranan perpustakaan dalam menyuntik kesedaran warga penyelidik tentang kepentingan **perkongsian**

**data penyelidikan.** Dengan pendekatan ini, perpustakaan dapat memainkan peranan strategik dalam:

- Meningkatkan Impak Penyelidikan
- Menyokong Penyelidikan Berasaskan Data Terbuka dan
- Menjamin Ketelusan dan Kebolehkesanan Penyelidikan

35. Saya yakin bahawa dengan **kemahiran dan kepakaran *Trained Data Steward* seramai 6 orang** staf perpustakaan yang boleh memimpin inisiatif ini dengan memulakan **bimbingan Kesedaran mengikut kumpulan sasar penyelidik** mengenai kepentingan perkongsian data serta kaedah.
36. Dengan komitmen bersama, kita dapat membentuk budaya penyelidikan yang inklusif, telus, dan berdaya saing, sekaligus meningkatkan **impak dan kredibiliti penyelidikan UiTM** di arena global.
37. Inisiatif Pendigitalan seterusnya adalah penambahbaikan Pengurusan Rekod Universiti ke arah **Rekod Digital** melalui penggunaan Klasifikasi Fail UiTM dan penggunaan ***Digital Document Management System (DDMS)***.
38. Untuk makluman semua, Manual Klasifikasi Fail UiTM 2025 menggantikan Manual KF UiTM 2005 telah diperakukan oleh Arkib Negara Malaysia dan Majlis Eksekutif Universiti. Pengurusan rekod digital universiti akan dilaksana menggunakan Sistem DDMS bermula pada 1 Mac 2025.
39. Pelaksanaan ini telah dimulakan di Jabatan Perpustakaan sebagai **PTj rintis** dan akan diperluaskan kepada seluruh PTj Shah Alam dan Cawangan.

40. Saya meletakkan kepercayaan penuh kepada Bahagian Arkib Universiti (BARU) bagi menyelaras inisiatif ini dengan cekap, tersusun, dan mengikut kehendak peraturan yang ditetapkan.

Para hadirin sekalian,

### **Fokus Kedua ialah Penciptaan Pengetahuan**

41. Sebagai sebuah institusi yang memikul amanah untuk memelihara warisan ilmu, Perpustakaan UiTM bertekad untuk melaksanakan usaha penciptaan pengetahuan secara strategik melalui beberapa inisiatif utama.
42. Inisiatif pertama adalah melalui pembangunan **Repositori Memori Universiti** yang menjadi sebagai gerbang maklumat untuk meneroka warisan khazanah dan sejarah UiTM. Melalui repositori ini, sejarah dan warisan institusi akan dikumpul, didigitalkan, dan dipelihara secara sistematik oleh **Bahagian Arkib Universiti dan Unit Arkib Cawangan**.
43. Besar harapan saya agar, Repositori ini bukan sahaja berfungsi sebagai **pusat rujukan maklumat sejarah UiTM** tetapi juga sebagai simbol kecemerlangan dan kebanggaan institusi, memupuk rasa keterhubungan warga universiti dengan akar umbi UiTM yang kaya dengan khazanah ilmu dan pencapaian. Pelaksanaan inisiatif ini adalah langkah strategik untuk memastikan warisan UiTM terus relevan, dikenang, dan dihargai sepanjang zaman.
44. Seterusnya, Inisiatif **Memanifestasikan Sejarah Lisan UiTM** bertujuan untuk mendokumentasikan kisah-kisah penting berkaitan UiTM, termasuk pengalaman tokoh-tokoh, alumni, dan individu yang memainkan peranan signifikan dalam perkembangan institusi.

45. Proses ini melibatkan rakaman, transkripsi, dan pendigitalan wawancara lisan yang mengandungi pelbagai sudut pandangan dan naratif unik, yang tidak boleh didapati melalui dokumen formal atau arkib tradisional.
46. Melalui usaha ini, saya yakin bahawa khazanah warisan UiTM akan terus hidup, dihargai, dan menjadi sumber inspirasi yang berpanjangan kepada generasi akan datang.
47. Saya menyeru agar **Bahagian Arkib Universiti dan Unit Arkib Cawangan** dapat menggalakkan penglibatan aktif warga perpustakaan, alumni, dan seluruh komuniti universiti dalam **mendokumentasikan sejarah** institusi sekali gus meningkatkan imej arkib universiti sebagai **pusat pengetahuan dan kelestarian warisan UiTM**.

Tuan - tuan dan puan-puan

48. Sebagai respons kepada keperluan pembelajaran moden, Perpustakaan UiTM komited menyediakan platform **pembelajaran digital yang inovatif dan fleksibel**.
49. Strategi komprehensif yang mengutamakan pengembangan platform pembelajaran digital. Strategi ini perlu merangkumi:
  - **Pembangunan Kandungan Digital Berkualiti Tinggi** yang relevan, terkini, dan pelbagai disiplin.
  - **Infrastruktur Teknologi yang** terkini seperti kecerdasan buatan (AI), *adaptive learning*, dan analitik pembelajaran bagi

menyesuaikan kandungan dengan keperluan individu pengguna.

- **Penyediaan Platform Fleksibel** yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja, yang responsif kepada peranti mudah alih dan mesra pengguna.
- **Latihan dan Sokongan Pengguna** berterusan untuk membantu pelajar dan staf akademik memanfaatkan sepenuhnya platform digital ini.

### **Fokus Ketiga ialah *Personalised Services***

50. Dalam usaha meningkatkan pengalaman pengguna, Perpustakaan UiTM komited untuk terus menyediakan perkhidmatan yang lebih bersifat peribadi dan relevan dengan keperluan pelbagai golongan pengguna. Oleh itu, beberapa inisiatif utama telah dirancang iaitu:
51. Perpustakaan UiTM telah memperkenalkan program **Wakaf Ilmu (PhD Clinic)** sejak tahun 2017 sebagai inisiatif untuk menyokong pelajar pascasiswazah, terutamanya calon PhD, dalam perjalanan akademik mereka.
52. Program ini menawarkan bimbingan holistik yang meliputi penyelidikan, penerbitan, dan strategi penulisan. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu pelajar membangunkan asas penyelidikan yang kukuh agar dapat menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tinggi.
53. Alhamdulillah dan terima kasih kepada Unit Sokongan Penyelidikan PTAR yang telah berjaya menyelaras perkhidmatan ini dengan sokongan 14 pakar pakar yang dilantik untuk memberi tunjuk ajar dan menyumbang kepakaran mengikut bidang masing-masing.

Perkhidmatan konsultasi ini adalah percuma dan bersifat bantuan sokongan kepada para pelajar atau penyelidik untuk melancarkan proses penyelidikan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

54. Bagi memastikan perkhidmatan perpustakaan lebih inklusif, kita juga perlu memberikan perhatian kepada **Pemerkasaan Perkhidmatan Warga OKU**. Langkah ini merangkumi **peningkatan akses kepada kemudahan, Koleksi Bahan yang diformatkan khas, dan teknologi mesra OKU** seperti pembaca teks untuk pengguna yang kurang penglihatan.
55. *Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing*, inisiatif ini mencerminkan komitmen perpustakaan terhadap keseimbangan perkhidmatan dan budaya ilmu untuk semua lapisan masyarakat.
56. **Pelaksanaan Penerbitan Data Bibliometrik Bersepadu** adalah satu inisiatif penting Perpustakaan UiTM untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih terarah dan bersifat **personalised** kepada pengguna, terutamanya para penyelidik, pensyarah, dan pelajar pascasiswazah.
57. Perkhidmatan ini akan menyediakan data bibliometrik yang lengkap, termasuk analisis sitasi, impak jurnal, dan tren penerbitan. Data ini bukan sahaja menyokong penyelidikan akademik tetapi juga membantu penyelidik mengenal pasti peluang kolaborasi dan penerbitan berkualiti tinggi. Perkhidmatan ini direka khusus untuk memenuhi keperluan penyelidik UiTM, memastikan mereka mendapat maklumat yang relevan dan terkini.

58. Untuk makluman warga perpustakaan, pada **20 Februari 2025**, saya akan mengupas mengenai **peranan perpustakaan dalam mengarusperdanakan inisiatif penyelidikan dan penerbitan di UiTM**. Kupasan saya memfokuskan kepada peri penting barisan pustakawan mempunyai kemahiran **menyediakan maklumat analisis bagi mengukur dan menilai impak penyelidikan dan penerbitan** warga UiTM berdasarkan *citation- based indicators*.
59. Sehubungan itu, saya menyarankan agar **Unit Sokongan Penyelidikan PTAR** menyediakan Pelan Tindakan Pelaksanaan inisiatif berikut:
- **Pembangunan Sistem Bersepadu yang akan** mengintegrasikan data dari pangkalan data utama seperti *Scopus, Web of Science, dan Google Scholar*.
  - **Pemprofilan Pengguna** menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk memproses, menganalisis, dan menyusun data berdasarkan profil pengguna.
  - **Penerbitan Laporan** secara berkala, seperti analisis prestasi penerbitan, potensi kolaborasi, dan cadangan jurnal terbaik untuk penerbitan artikel.
  - **Mengadakan Latihan dan Sesi Konsultasi Khas Secara *Virtual Learning*** bagi meningkatkan literasi pengguna tentang bibliometrik dan cara menggunakan data ini untuk strategi penyelidikan mereka.
60. Dengan inisiatif-inisiatif ini, Perpustakaan UiTM terus memperkukuhkan peranannya sebagai pusat sokongan ilmu yang holistik dan inklusif, seiring dengan misi universiti untuk kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

### **Fokus Keempat ialah Kecemerlangan Bakat**

61. Keunggulan sesebuah institusi tidak hanya diukur melalui perkhidmatan atau teknologinya, tetapi juga melalui keupayaan bakat warganya untuk membawa perubahan yang bermakna. Usaha ini telah pun digerakkan seawal tahun 2023 dengan visi untuk melahirkan kepakaran-kepakaran dalam pelbagai bidang strategik. Kita telah menyaksikan pencapaian yang membanggakan, hasil daripada komitmen dan kesungguhan semua staf.
62. Namun, kecemerlangan tidak datang tanpa kesinambungan. Pada tahun ini, fokus pembangunan bakat akan diperkukuhkan dengan lebih menyeluruh dan tersusun. Beberapa inisiatif penting akan dilaksanakan untuk memastikan kecemerlangan bakat ini tidak hanya menjadi visi, tetapi realiti yang memacu Perpustakaan UiTM ke arah kegemilangan.
63. Salah satu inisiatif bagi tahun 2025 adalah **pembangunan Repositori Kepakaran Perpustakaan**, yang akan menjadi pangkalan data komprehensif untuk mendokumentasikan kepakaran setiap staf. Repositori ini bertujuan **mengenal pasti, mengiktiraf, dan memanfaatkan kepakaran warga perpustakaan** dalam pelbagai bidang.
64. Sebagai pemangkin kepada inisiatif ini, **Unit Pembangunan Bakat dengan kerjasama Bahagian Perpustakaan Digital** perlu menyediakan pelan tindakan yang menyeluruh untuk memastikan pelaksanaan repositori ini berjalan dengan lancar.
65. Saya **menyeru semua staf perpustakaan untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam pengumpulan maklumat ini**. Jadikan repositori ini sebagai cerminan kekuatan dan keunikan kita



sebagai peneraju ilmu dan kepakaran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bukan sekadar pangkalan data, tetapi sebuah peta yang menunjukkan kepada dunia bahawa Perpustakaan UiTM **memiliki barisan bakat dan kepakaran yang mampu memberikan impak besar kepada universiti, industri, dan masyarakat.**

66. Inisiatif seterusnya adalah **Pelan Latihan Berstruktur 2025**, perlu dirangka untuk memperkasakan staf dengan kemahiran terkini yang relevan dengan keperluan masa kini.
67. Pelan ini tidak hanya memfokuskan kepada peningkatan **kompetensi kefungsiian di peringkat lanjutan** tetapi akan menekankan aspek-aspek semasa yang diperlukan seperti **kecerdasan buatan, pengurusan rekod digital, klasifikasi fail, pengurusan kualiti data bibliografik, dan pengurusan repositori.**
68. Namun, untuk menjayakan pelan ini, saya ingin **menekankan pentingnya penglibatan dan kerjasama penuh daripada semua staf.** Usaha peningkatan kompetensi ini bukan sahaja memerlukan komitmen dalam latihan, tetapi juga komitmen untuk menerapkan pengetahuan yang diperoleh ke dalam tugas harian. **Latihan bukan sekadar peluang untuk belajar, tetapi amanah untuk kita semua memastikan perpustakaan terus mendahului perubahan.**
69. Seterusnya, dalam usaha memastikan kesinambungan kecemerlangan Perpustakaan UiTM, **Pelan Pemantapan Kepimpinan** akan menjadi salah satu inisiatif utama pada tahun 2025. Pelan ini akan dirangka sebagai pelan tindakan khas untuk melatih pustakawan dan kumpulan pelaksana berorientasikan profesionalisme berasaskan ilmu, atau lebih dikenali sebagai ***Knowledge-Driven Professionals.***

70. Kepimpinan pustakawan bukan sahaja tentang pengurusan operasi perpustakaan, tetapi juga kemampuan untuk menjadi peneraju inovasi dalam landskap maklumat. Untuk mencapai matlamat ini, **saya menyeru semua Pustakawan agar bersedia memenuhi keperluan dan memainkan peranan masing-masing dalam memantapkan kepimpinan di pelbagai peringkat.**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah,

### **Fokus Kelima ialah Kolaborasi Komuniti**

71. Kolaborasi dengan komuniti adalah kunci utama untuk memperkukuhkan peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu dan rujukan utama. Tahun 2025 bakal menyaksikan perpustakaan UiTM memperluaskan pengaruhnya melalui **pengukuhan program-program komuniti yang strategik dan relevan.**
72. Kolaborasi dengan komuniti adalah pemacu utama untuk memperkukuhkan kedudukan perpustakaan sebagai **hab ilmu yang melangkaui batasan tradisional.** Tahun 2025 akan menyaksikan inisiatif **pengukuhan program komuniti** yang dirancang dengan lebih inovatif, termasuk **memberikan akses kepada ilmu di luar skop kebiasaan dan menyokong pembentukan generasi celik maklumat.**
73. Melangkaui kerangka tradisional, Perpustakaan UiTM akan bekerjasama dengan sekolah untuk bukan sahaja menjalankan bengkel literasi maklumat, tetapi turut melatih pelajar untuk **memahami teknologi terkini seperti pencarian data automatik dan asas kecerdasan buatan, penguasaan kaedah pencarian dan penilaian sumber maklumat yang berkualiti, penghasilan projek penyelidikan kecil** yang merangsang pemikiran inovatif, serta **melibatkan pustakawan dan Sukarelawan Perpustakaan UiTM sebagai mentor kepada pelajar sekolah.**

74. **Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan** akan memainkan peranan penting dalam melaksanakan program ini, termasuk menyelaras aktiviti, menyediakan modul latihan yang relevan, dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada komuniti sekolah. Dengan pendekatan ini, kita bukan sahaja mendidik tetapi juga memberi inspirasi kepada komuniti sekolah untuk menjadi pemimpin ilmu masa hadapan.
75. Seterusnya, inisiatif **Knowledge Transfer Partnership (KTP)** akan diperkenalkan untuk membawa kepakaran pustakawan keluar dari dinding institusi untuk memberikan manfaat kepada komuniti dan industri.
76. Inisiatif ini merangkumi:
- **Pemindahan kepakaran** Pustakawan sebagai jurucakap dalam bengkel bersama agensi kerajaan, swasta, dan badan profesional yang memfokuskan kepada kemahiran literasi maklumat, pengurusan data, dan penyelidikan, serta
  - **Pemeriksaan melalui Projek Komuniti** seperti *Digital Literacy Outreach* untuk mendekati komuniti luar bandar, memperkukuh kemahiran teknologi asas dan pencarian maklumat kritikal.
77. Melalui kerjasama pintar ini, kita akan memastikan perpustakaan UiTM terus menjadi peneraju dalam memperkasakan komuniti dan mencipta nilai untuk masyarakat sejagat melalui ekosistem ilmu yang dinamik.
78. Perpustakaan UiTM telah berjaya memperkenalkan **Library Community Engagement**, menggalakkan agensi dan komuniti menjejaskan kaki ke rumah ilmu ini dengan pelbagai program

bermakna. Melangkah ke hadapan, langkah strategik seterusnya ialah melalui inisiatif **Pembangunan Direktori Kolaborasi Pintar**, iaitu repositori strategik yang akan mengumpulkan maklumat rakan kolaborasi perpustakaan.

79. Impak pembangunan direktori ini amat besar, termasuklah :
- **Meningkatkan kolaborasi strategik**, melalui projek pemindahan ilmu
  - **Membuka peluang endowmen dan sumbangan** yang lebih besar
  - **Menggalakkan penyertaan aktif** dalam program bersama rakan industri, komuniti, dan agensi dan
  - **Menyediakan asas penilaian keberhasilan** untuk memastikan setiap kerjasama membawa nilai yang nyata.
80. Untuk merealisasikan pembangunan Direktori Kolaborasi Pintar, saya memberikan amanah ini kepada **Unit Korporat dan Kolaborasi untuk memimpin dan menyelaras usaha ini**, dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memastikan direktori ini bukan hanya sebuah repositori tetapi menjadi asas kepada strategi kolaborasi.
81. Perpustakaan UiTM akan terus memperkukuhkan peranan sebagai pemangkin ilmu melalui pelbagai inisiatif kepada kolaborasi komuniti, dan salah satunya adalah **Program Sukarelawan Perpustakaan UiTM**. Program ini **perlu dirangka untuk melibatkan mahasiswa secara aktif dalam aktiviti perpustakaan**, seterusnya membentuk mereka sebagai generasi pemimpin yang berdedikasi dan menjadi agen perubahan ilmu. Program ini memberi peluang kepada mahasiswa untuk:

- **Menjadi agen ilmu** yang akan dilatih untuk menyampaikan literasi maklumat, membantu komuniti memahami sumber perpustakaan, dan memanfaatkan teknologi terkini, serta
  - **Memupuk Tanggungjawab Sosial** dalam program komuniti seperti bengkel literasi, projek membaca, dan aktiviti pemindahan ilmu kepada golongan OKU dan komuniti pedalaman.
82. Program ini perlu mensasarkan penyertaan sekurang-kurangnya **500 sukarelawan setahun** dengan impak kepada lebih **10,000 peserta komuniti**. Mereka bukan sahaja menyumbang kepada komuniti, tetapi membina nilai kepimpinan, empati, dan keupayaan mahasiswa sebagai duta ilmu masa hadapan.

Hadirin sekalian,

### **Fokus Keenam ialah Pemindahan dan Perkongsian Ilmu**

83. Perpustakaan UiTM tidak hanya berfungsi sebagai penjaga ilmu, tetapi juga sebagai pemangkin transformasi, memastikan pengetahuan yang dimiliki tidak terbatas pada rak-rak buku semata-mata, tetapi disebarluaskan untuk memberi manfaat kepada universiti, komuniti, dan negara.
84. Selaras dengan aspirasi UiTM untuk memperkukuhkan peranannya sebagai hab ilmu bertaraf dunia, tahun 2025 akan menyaksikan pelaksanaan inisiatif strategik yang akan **merevolusikan pemindahan dan perkongsian ilmu**. Sebagai langkah ke hadapan, kita akan melaksanakan beberapa tindakan utama.
85. Perpustakaan UiTM dengan kerjasama Penerbit UiTM dan Hal Ehwal Pelajar akan menganjurkan **Festival Budaya Ilmu UiTM 2025**, bertemakan “**Pembudayaan Ilmu Membina Peradaban**”

**Mulia.” Festival ini, yang akan berlangsung pada 24 hingga 26 April 2025 di Dewan Mawar Qaseh, UiTM, menjadi simbol komitmen kita untuk menyemarakkan budaya ilmu seiring dengan Amanat Naib Canselor 2025 yang menekankan kepentingan Semarak Budaya Menghargai Ilmu.**

86. Selaras dengan aspirasi universiti untuk memperkukuhkan agenda global UiTM dan menyumbang kepada penyelesaian masalah komuniti, festival ini berasaskan konsep **‘Festival of Ideas’**, dimana platform yang akan mempertemukan akademia, pelajar, dan masyarakat bagi memupuk pemikiran kritis dan memperkasa literasi ilmu.
87. Justeru, saya menyeru seluruh warga UiTM untuk turut serta memeriahkan festival ini, dan pada masa yang sama, menggalakkan peringkat cawangan dan fakulti untuk melaksanakan inisiatif ini di peringkat UiTM Cawangan masing-masing.
88. **Festival Kecemerlangan Operasi dan Inovasi (FoEI)** akan menjadi **platform berprestij** yang mengumpulkan perpustakaan akademik seluruh IPTA untuk meraikan kecemerlangan dan memacu inovasi dalam pengurusan perpustakaan.
89. Festival ini bukan sahaja meneruskan tradisi kecemerlangan, tetapi juga menjadi ruang untuk mempamerkan inovasi terkini dalam operasi perpustakaan, daripada transformasi digital hingga strategi pengurusan sumber yang lebih cekap. Program ini akan menampilkan **Pameran Inovasi Perpustakaan, pentas perkongsian idea baharu dan peluang jaringan strategik** untuk memperkukuh hubungan antara perpustakaan universiti awam.
90. Saya mahukan **sekurang-kurangnya satu penyertaan dari setiap Perpustakaan UiTM Cawangan dalam festival ini**, bagi memastikan keterlibatan penuh dalam mempamerkan inovasi dan menyumbang idea kepada komuniti perpustakaan akademik di peringkat nasional.

91. FoEI akan menjadi titik temu bagi menginspirasi perubahan, mencetuskan inovasi, dan memacu kecemerlangan dalam pengurusan perpustakaan akademik, memastikan perpustakaan kekal relevan dan berdaya saing di peringkat nasional dan global.
92. Kita semua memiliki ilmu, pengalaman, dan kepakaran yang berharga, ilmu yang tidak hanya dimanfaatkan oleh kita sendiri tetapi juga mampu memberi impak besar kepada orang lain. Justeru, saya menyeru kepada **seluruh warga Perpustakaan UiTM untuk menjayakan inisiatif "1 Staf: 1 Perkongsian Ilmu"**, kerana saya percaya bahawa setiap seorang daripada kita adalah penyumbang penting kepada perjalanan ilmu yang lebih bermakna.
93. Melalui program ini, setiap staf akan berkongsi satu topik berdasarkan kepakaran, pengalaman, atau peranan mereka. Tajuk perkongsian boleh meliputi proses kerja harian, penglibatan dalam projek inovatif, atau cadangan penambahbaikan. Sesi ini akan diadakan secara berkala dengan format interaktif, sama ada secara fizikal di lokasi terpilih atau secara dalam talian, bagi memastikan impaknya maksimum.
94. **Setiap Perpustakaan UiTM Cawangan akan bertanggungjawab mengendalikan sesi ini di peringkat cawangan masing-masing, dengan penyertaan boleh dibuka kepada PTJ lain di UiTM.** Langkah ini memastikan ilmu yang kita miliki tidak terbatas, tetapi berkembang dan memberi manfaat kepada seluruh ekosistem universiti.
95. **Ilmu adalah amanah, dan perkongsian ilmu adalah tanggungjawab kita bersama. Kita bukan sekadar warga perpustakaan, tetapi duta ilmu yang mampu membawa UiTM ke tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

### **Fokus Ketujuh ialah Pengukuhan Sumber Rujukan**

96. Ilmu yang kukuh bermula dengan sumber rujukan yang berkualiti. Dalam dunia yang semakin mencabar dan penuh dengan perubahan, **pengukuhan sumber rujukan bukan sahaja menjadi keutamaan tetapi juga asas kepada kelestarian ilmu dan kecemerlangan akademik universiti.** Perpustakaan UiTM bertanggungjawab untuk memastikan sumber rujukan yang kita sediakan bukan sekadar memenuhi keperluan masa kini, tetapi mampu menyokong hala tuju UiTM untuk menjadi institusi bertaraf global.
97. Tahun 2025 akan menyaksikan usaha berterusan untuk memperkukuhkan sumber rujukan melalui pelbagai strategi inovatif. Tumpuan perlu diberikan kepada beberapa inisiatif penting yang akan membentuk asas pengurusan sumber rujukan yang lebih holistik dan berdaya saing.
98. Dalam usaha memastikan kelestarian warisan ilmu, Perpustakaan UiTM akan melaksanakan inisiatif **Memartabatkan Karya Agung** bagi memelihara dan mempromosikan karya agung tempatan dan antarabangsa sebagai warisan ilmu yang bernilai.
99. Sebagai langkah utama, setiap perpustakaan UiTM cawangan akan mengambil tanggungjawab untuk **mengenal pasti, mendapatkan, dan memelihara karya agung sebagai koleksi unik di perpustakaan masing-masing.** Karya ini juga perlu dipromosikan melalui pameran, program literasi, dan platform digital untuk memperluaskan manfaat kepada komuniti.
100. Perpustakaan UiTM mengorak langkah ke arah membentuk **Komuniti Universiti Berpengetahuan Tinggi**, selaras dengan **Model Hala Tuju Pembangunan Sumber Rujukan Universiti** yang memacu penyediaan koleksi berbilang dimensi. Model ini menekankan **koleksi digital nisbah 90:10** menjelang 2030, di



mana repositori bertaraf global menjadi teras kepada akses sumber yang dinamik dan inovatif.

101. Pada tahun 2025, usaha ke arah pencapaian ini akan lebih diperkukuhkan dengan:

- **Penyediaan Koleksi 80:20** menekankan keseimbangan koleksi bercetak dan digital, berfokus kepada koleksi seperti *Local Content*, *Harta Intelek UiTM*, *Arkib Universiti*, dan *Persuratan Jawi* yang memenuhi keperluan penyelidikan semasa dan
- Memastikan koleksi sentiasa relevan dan dikemas kini berdasarkan keperluan akademik, penyelidikan, dan komuniti universiti.

102. Tahun 2025 adalah titik penting menuju 2030, di mana koleksi kita bukan sahaja memenuhi keperluan semasa, tetapi juga menjadi **asas kepada komuniti universiti berpengetahuan tinggi**.

103. Perpustakaan UiTM memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti data bibliografik berada pada tahap kualiti tertinggi. Data bibliografik yang berkualiti adalah asas kepada sistem rujukan yang cekap dan berkesan.

104. Di bawah tanggungjawab **Bahagian Sumber Rujukan Universiti**, usaha ini akan memberi fokus kepada pemantapan standard pengkatalogan setiap data bibliografik mengikut piawaian antarabangsa dan keseragaman pengurusan data dengan inisiatif untuk memastikan semua perpustakaan UiTM mematuhi standard yang sama, mewujudkan ekosistem data bibliografik yang tersusun.

105. Bahagian Sumber Rujukan Universiti **memegang amanah besar untuk memastikan perpustakaan UiTM terus unggul sebagai penyedia data rujukan berkualiti**. Saya menyeru seluruh warga perpustakaan untuk memberi sokongan penuh terhadap inisiatif ini,

kerana kualiti data adalah cerminan kekuatan kita sebagai pusat ilmu bertaraf dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan

106. Pada 1 Ogos 2024, penstrukturan UiTM telah dilaksanakan melibatkan penambahbaikan tadbir urus universiti termasuk Perpustakaan UiTM telah ditambahbaik sebagai Jabatan Utama Universiti.
107. Alhamdulillah, perubahan ini merupakan satu **mesej positif** terhadap peranan penting PTAR dalam mendukung aspirasi dan misi universiti.
108. Seiring dengan penstrukturan ini, pengurusan universiti **menitikberatkan penyelarasan bahan perundangan yang berkuatkuasa** yang dikeluarkan oleh **Naib Canselor dan Jabatan-jabatan Utama Universiti**.
109. Berasaskan kepada **peranan perpustakaan** di dalam menguruskan maklumat, saya memperakui bahawa Jabatan Perpustakaan mempunyai kekuatan dan kepakaran dalam memastikan bahawa semua bahan perundangan seperti **akta, polisi, prosedur, garis panduan, dan dokumen sokongan** diselaraskan dan mudah diakses oleh staf dan pelajar UiTM.
110. Oleh itu, **Repositori Dokumen Universiti** telah dibangunkan pada tahun 2024 sebagai inisiatif strategik untuk memusatkan semua bahan perundangan. Pada tahun ini, saya berharap repositori ini akan mencapai sasaran untuk memuatkan **100 peratus** dokumen perundangan daripada semua Jabatan Utama Universiti.
111. Dengan adanya repositori ini, UiTM dapat **mengukuhkan lagi kecekapan pengurusan maklumat**, sekali gus menyokong **tadbir urus yang lebih cekap** dan selaras dengan visi universiti untuk kecemerlangan masa depan.

Para hadirin sekalian

112. Dalam usaha memperkukuh tadbir urus Perpustakaan UiTM, aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan tidak boleh diabaikan. **Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** menjadi salah satu langkah penting ke arah memastikan persekitaran kerja yang selamat, produktif, dan selari dengan piawaian pengurusan yang cekap.
113. Dengan melaksanakan audit ini, kita bukan sahaja dapat mengidentifikasi dan mengurangkan risiko di tempat kerja, tetapi juga memperkukuh budaya kerja yang mengutamakan keselamatan, kesihatan, dan kesejahteraan warga perpustakaan dan pengguna.
114. Untuk makluman semua, Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini akan melibatkan **seluruh Perpustakaan UiTM** dan saya mohon agar semua pihak membuat persediaan yang rapi bagi **pensijilan audit pada tahun ini..**
115. Persediaan ini termasuk memastikan semua sistem keselamatan dan protokol kesihatan berfungsi dengan baik, mengemas kini rekod-rekod berkaitan, dan memastikan setiap staf memahami tanggungjawab mereka dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat.
116. Dengan kerjasama semua pihak, kita dapat memastikan **pensijilan audit** ini berjaya dicapai, yang seterusnya akan meningkatkan kredibiliti dan reputasi Perpustakaan UiTM sebagai sebuah institusi yang mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan semua yang terlibat.

117. Sebagai usaha untuk memastikan **kemampuan kewangan perpustakaan** yang lebih mampan dan berdaya saing, beberapa inisiatif strategik akan diambil untuk memperkukuh sumber kewangan dan mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada. Ini selaras dengan keperluan untuk mengimbangi antara peningkatan perkhidmatan dan kelestarian kewangan perpustakaan di masa depan.

118. Inisiatif **perkhidmatan berbayar perpustakaan** akan diperkenalkan untuk memberi nilai tambah kepada pengguna. Ini termasuk :

- Perkhidmatan Pelanggan
- Literasi Maklumat dan Sokongan Penyelidikan
- Penganjuran Latihan Berbayar
- Perkhidmatan Digital dan Repositori
- Rujukan Kepakaran Staf
- Rekod dan Arkib

119. **Pendapatan** yang diperoleh daripada perkhidmatan berbayar ini akan digunakan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan perpustakaan dan memperluas ruang kemudahan yang selesa dapat disediakan kepada warga universiti dan komuniti.

120. Selain itu, **sumbangan, wakaf, dan endowment** akan dijadikan sebagai satu pendekatan untuk mengumpul dana yang boleh digunakan untuk projek-projek jangka panjang perpustakaan.

121. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada **penyumbang-penyumbang** yang terdiri daripada **staf UiTM, Alumni, Agensi-agensi, dan individu** yang telah

menyumbang sama ada dalam bentuk **wang tunai** ataupun **barangan**.

122. Sebagaimana yang disebut dalam **Surah Al-Baqarah, ayat 261**, yang bermaksud:  
*"Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebuah biji yang tumbuh menjadi tujuh tangkai. Pada setiap tangkai itu ada seratus biji. Allah melipat gandakan bagi sesiapa yang Dia kehendaki."*
123. Sesungguhnya, sumbangan kepada pendidikan dan pembangunan ilmu yang diberikan ini amat berharga dan telah memberi impak besar untuk dimanfaatkan oleh semua pengguna perpustakaan. Semoga sumbangan mendatangkan barakah dalam hidup semua penyumbang.
124. Oleh itu, perpustakaan akan memperkenalkan **Library Community Endowment** bagi mencerminkan usaha perpustakaan untuk mewujudkan impak jangka panjang yang lebih mampan melalui pengumpulan dana kekal. Pendekatan ini melibatkan penglibatan alumni, individu, dan organisasi dalam menyumbang kepada pembangunan sumber ilmu, pembelian bahan bacaan, serta pengukuhan infrastruktur digital yang canggih dan inklusif.

Tuan-tuan dan puan-puan

125. Dalam usaha untuk **meningkatkan keberkesanan kos, penjimatan tenaga** akan diberi penekanan sebagai salah satu langkah utama dalam memastikan kelestarian kewangan perpustakaan.

126. Pelaksanaan teknologi hijau dan penambahbaikan sistem pengurusan tenaga akan menjadi fokus utama dalam menyokong inisiatif universiti dalam mencapai kemampanan alam sekitar. Antara aspek yang perlu diambil kira adalah penggunaan pencahayaan LED, penambahbaikan sistem pengudaraan, serta penggunaan teknologi yang lebih cekap tenaga dalam operasi harian perpustakaan.
127. Sehubungan itu, saya menuntut kerjasama daripada semua staf untuk **menggunakan elektrik dengan bijak dan bertanggungjawab** dengan langkah membuat penetapan seperti yang dimaklumkan dalam Amanat Naib Canselor UiTM iaitu **penghawa dingin di perpustakaan akan dibuka 30 minit lewat** daripada waktu pembukaan operasi perkhidmatan dan **akan ditutup awal 30 minit daripada waktu penutupan operasi perpustakaan**. Bagi menilai **keberkesanan dan impak penjimatan**, semua perpustakaan harus merekod bacaan sebelum dan selepas pelaksanaan. Pelaporan ini perlu diselaraskan oleh **Seksyen Kewangan dan Infrastruktur PTAR** secara sukuan bagi pelaporan Jabatan Perpustakaan kepada Pengurusan Universiti.

Tuan-tuan dan puan-puan

128. Dalam situasi semasa, di mana negara dan universiti menghadapi cabaran besar berhubung **kesihatan fizikal dan mental**. Masalah kesihatan mental dan fizikal di kalangan warga universiti semakin membimbangkan.
129. Tentu kesan daripada krisis kesihatan mental ini bukan sahaja memberi impak kepada kesejahteraan individu, tetapi juga menjejaskan produktiviti dan prestasi kerja. Oleh itu, pada tahun ini saya memberikan penekanan kepada **Kesejahteraan Warga**

**Perpustakaan** melalui Inisiatif **Program Sejahtera 360**. Program ini akan digerakkan melalui **Jawatankuasa EKSA atau 5S PTAR Shah Alam dan Cawangan** dengan pendekatan yang lebih **holistik**, supaya warga Perpustakaan UiTM dapat menjaga keseimbangan dalam kehidupan mereka.

130. Program ini memerlukan **penyertaan aktif** dan penuh tanggungjawab daripada semua warga perpustakaan.

## **Penutup**

131. Saya ingin kongsiikan Menurut Prof Diraja Terpuji Naquib Al-Attas tentang ILMU.

132. Yang pertama iaitu ilmu yang diberikan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagai Kurnia-Nya kepada insan; dan yang kedua iaitu ilmu yang dicapai dan diperolehi oleh insan berdasarkan daya usaha akliahnya sendiri yang berpunca kepada pengalaman hidup indera jasmani dan nazar-akali serta pemerhatian dan penyelidikan dan pengkajian”

133. Ilmu yang pertama adalah ilmu yang diberikan oleh Allah kepada insan.

Ilmu yang pertama ini dibahagikan kepada dua, iaitu tanzil (sesuatu yang diwahyukan) dan pengenalan (kerana memperkenalkan perkara-perkara penting berkenaan Tuhan dan makhluk) yang merujuk kepada diri insan, alam serta Tuhan yang Esa.

134. Ringkasnya, ilmu yang pertama ini merupakan wahyu Allah kepada manusia sebagai petunjuk kepada kehidupan beragama yang benar dan lurus. Ilmu inilah ilmu yang hakiki (sebenar). Ilmu ini mengandung tatacara manusia beribadah kepada Allah swt dalam kehidupan seharian.
135. Contohnya, Ilmu Tauhīd, Ilmud fiqh dan Ilmu Tasawwuf . Hukum mempelajari Ilmu yang pertama ini adalah fardu ain, yakni wajib bagi semua Muslim.
136. Ilmu yang kedua pula merujuk kepada ‘ilmu yang berbentuk jamak, yakni pelbagai jenis ilmu pengetahuan. Ilmu ini diperoleh oleh insan melalui kekuatan akalnya sendiri, melalui pengalaman hidup, pemerhatian dan penyelidikan dalam kehidupan manusia di dunia.
137. Asas Akhlak Menurut Al-Attas, konsep moral dalam Islam bagi seorang Muslim, kebahagiaan itu dicapai apabila setiap insan itu berjaya menundukkan dirinya untuk mentaati segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Warga Perpustakaan UiTM yang dikasihi sekalian,

138. Ayuh! kita membina masa depan yang gemilang, di mana **ilmu menjadi cahaya** yang menerangi perjalanan kita, dan perpustakaan menjadi nadi kepada kecemerlangan itu. Setiap usaha yang kita lakukan hari ini adalah pelaburan untuk masa depan yang lebih cemerlang, kerana ilmu adalah amanah yang harus kita jaga dan sampaikan.



139. **Keberhasilan perpustakaan** bukan hanya diukur melalui angka atau statistik, tetapi melalui **impak** yang kita bawa kepada masyarakat dan generasi yang kita didik.
140. Dengan **semangat kebersamaan** yang tak kenal lelah, kita bukan hanya menyusun buku di rak, tetapi **membina masa depan bangsa** yang sentiasa mencari ilmu.
141. Sesungguhnya, ilmu adalah **kunci kepada kejayaan**, dan kita di sini untuk memastikan setiap kunci yang ada membuka pintu kepada peluang tanpa batas. Bersama kita terus melangkah maju, membentuk **legasi ilmu** yang akan terus **menyinari dunia anak bangsa**.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi